



KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN
(Director General of Lands and Mines)
 Aras 3 , Podium 1, Wisma Sumber Asli
 No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4
 62574 PUTRAJAYA
 MALAYSIA

Tel : +603-8871 2603
 Faks : +603-8889 3855
 Portal Rasmi : www.jkptg.gov.my

Ruj.Kami : JKPTG.BDK.100-1/5/1 JLD 2(1)
 Tarikh : 6 September 2023

SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN A

YBhg.Datuk/Dato'/Tuan/Puan,

DITERIMA
13 SEP 2023
Pengarah Tanah dan Galian Negeri Selangor

**ARAHAN KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN BIL.1/2023
 PEMAKLUMAN KEPADA TUAN TANAH BERDAFTAR ATAU ORANG
 BERKEPENTINGAN SUPAYA TIDAK DILAMINA (LAMINATE) DOKUMEN
 HAKMILIK**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas dan keputusan Mesyuarat Timbalan Ketua Pengarah Tanah dan Galian bersama Timbalan Pengarah-Pengarah Tanah dan Galian (TKPTG-TPTG) Bilangan 1 Tahun 2023 pada 22 Februari 2023 adalah berkaitan.

2. Dimaklumkan bahawa mesyuarat TKPTG-TPTG Bil. 1 Tahun 2023 telah bersetuju bahawa Dokumen Hakmilik Keluaran Komputer (DHKK) yang dilamina tidak boleh diterima untuk tujuan urusan di bawah Kanun Tanah Negara [Akta 828].
3. Sehubungan itu, DHKK adalah **tidak boleh atau tidak dibenarkan** dilamina untuk tujuan urusan di bawah KTN. Justifikasi arahan DHKK tidak boleh atau tidak dibenarkan dilamina adalah seperti berikut:

- i. Kewajipan pelaksanaan pembatalan Dokumen Hakmilik yang masih perlu dibuat secara fizikal iaitu dengan mengecap fizikal di atas Dokumen Hakmilik tersebut;
- ii. Berdasarkan Perenggan 2, Jadual ke-14 KTN sekiranya terdapat kemasukan yang perlu dimasukkan atas Dokumen Hakmilik oleh Pendaftar di bawah KTN, syarat-syarat berikut perlu dipatuhi iaitu Pendaftar perlu memasukkan kemasukan tersebut menggunakan komputer dan Pendaftar perlu menyediakan suatu Dokumen Hakmilik komputer yang baharu dan membatalkan serta menghapuskan versi Dokumen Hakmilik cetakan komputer sebelumnya;

<input checked="" type="checkbox"/>	TPTG	(P/K)
<input checked="" type="checkbox"/>	KPP	()
<input checked="" type="checkbox"/>	PP	(K)
<input type="checkbox"/>	PUU	()
<input type="checkbox"/>	PPT	()
<input type="checkbox"/>	Sila semak	
<input type="checkbox"/>	Sila ambil tindakan	

Si Wabaka
 Pengarah PTGS

Si Wabaka
 13-9-2023

- iii. Perenggan 2, Jadual ke-16 KTN memperuntukkan bahawa jika sesuatu kemasukan perlu dibuat di dalam Dokumen Hakmilik Komputer, Pendaftar perlu mematuhi beberapa syarat iaitu memasukkan kemasukan, menyediakan suatu dokumen hakmilik komputer yang baharu, membatalkan versi cetakan komputer Dokumen Hakmilik sebelumnya, menangkap imej Dokumen Hakmilik cetakan komputer versi sebelumnya yang telah dibatalkan untuk disimpan secara maya dalam pengkalan data tanah dan memusnahkan dokumen hakmilik cetakan komputer versi sebelumnya; dan
- iv. Proses melamina Dokumen Hakmilik dikhuatiri merosakkan/mengubah ciri-ciri keselamatan yang terdapat pada Dokumen Hakmilik tersebut dan menyebabkan pihak Pentadbiran Tanah tidak dapat menyemak ketulenan dokumen tersebut.

4. Sehubungan itu, adalah disarankan supaya perkara ini dihebahkan kepada orang ramai dan pelanggan pentadbiran tanah yang datang berurusan di pejabat-pejabat berkaitan dan dimuatnaik satu pemakluman mengenai perkara ini dalam laman sesawang rasmi atau platform media sosial rasmi pejabat bagi memaklumkan kepada orang ramai supaya tidak melaminakan dokumen hakmilik mereka.

5. Arahan ini merupakan satu lagi usaha Jabatan untuk memberikan kefahaman jelas mengenai peruntukan perundangan tanah dalam memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada rakyat khususnya tuan punya tanah. Arahan ini wajar dimaklumkan kepada semua pelanggan di pentadbiran tanah negeri serta-merta. Kerjasama dan tindakan awal pihak pentadbiran tanah adalah amat dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian, *Salam Hormat*

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(DATUK MUHAMMAD AZMI BIN MOHD ZAIN)
Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan



PEJABAT TANAH DAN GALIAN (PTG) NEGERI

Pengarah Tanah dan Galian Perlis,
Jabatan Pengarah Tanah dan Galian,
Jalan Penjara,
01000 Kangar,
PERLIS INDERA KAYANGAN

Pengarah Tanah dan Galian Kedah
Pejabat Pengarah Tanah dan Galian
Wisma Negeri
05576 Alor Setar
KEDAH DARUL AMAN

Pengarah Tanah dan Galian Pulau Pinang
Pejabat Pengarah Tanah dan Galian
Tingkat 21-22 Bangunan KOMTAR
10000 Jalan Penang
PULAU PINANG

Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Melaka
Aras 2, Wisma Negeri, Jalan Wisma Negeri,
75450, Ayer Keroh,
Melaka, 75350
MELAKA

Pengarah Tanah dan Galian Johor
Pejabat Pengarah Tanah dan Galian
Bangunan Dato' Mohamad Salleh Perang,
Kota Iskandar, Peti Surat 718, 79576 Iskandar Puteri, Johor Darul Ta'zim.
JOHOR

Pengarah Tanah dan Galian Pahang
Pejabat Tanah dan Galian
Tingkat 2 & 3, Kompleks Tun Razak
Bandar Indera Mahkota
25990 Kuantan
PAHANG

Pengarah Tanah dan Galian Negeri Sembilan,
Pejabat Pengarah Tanah dan Galian,
Tingkat 4, Blok A, Wisma Negeri,
No. Beg Berkunci 39, Jalan Dato' Abdul Kadir,
70990 Seremban,
NEGERI SEMBILAN

Pengarah Tanah dan Galian Perak
Pejabat Pengarah Tanah dan Galian
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab,
30100 Ipoh,
PERAK

Pengarah Tanah dan Galian Terengganu
Pejabat Pengarah Tanah dan Galian
Tingkat 7 dan 11, Wisma Darul Iman
20576 Kuala Terengganu
TERENGGANU

Pengarah Tanah dan Galian Kelantan
Pejabat Pengarah Tanah dan Galian
Blok 3, Tingkat Bawah
Kota Darulnaim, Jalan Kuala Krai
15576 Kota Bharu
KELANTAN

Pengarah Tanah dan Galian Selangor
Pejabat Pengarah Tanah dan Galian
Tingkat 4, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah
40576 Shah Alam
SELANGOR

Pengarah Tanah dan Survei Sarawak,
Ibu Pejabat Jabatan Tanah dan Survei Sarawak,
Menara Pelita, Jalan Tun Abd. Rahman Yaakub,
93050 Petrajaya,
SARAWAK

Pengarah Tanah dan Ukur Sabah,
Jabatan Tanah Dan Ukur Sabah,
Wisma Tanah Dan Ukur, Jalan Perwira,
88100 Kota Kinabalu
SABAH

WILAYAH PERSEKUTUAN

Pentadbir Tanah,
Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Putrajaya,
Aras G, Blok 2, Menara Seri Wilayah (Menara PJH),
Presint 2, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62100 PUTRAJAYA

Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur,
Pejabat Pengarah Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan,
Aras G-4, Rumah Persekutuan,
Jalan Sultan Hishamuddin,
50678 KUALA LUMPUR